KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	13/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPNK			

3,500 hektar hutan simpan diteroka haram di Kedah

BH, 13 Sept
2021 20

20 lelaki ditahan sejak Januari lalu terbabit pencerobohan



Pegawai dan anggota JPNK menanam pokok di Kompartmen 4, Hutan Simpan Bukit Enggang sempena Kempen Penanaman 100 juta pokok 2021-2025. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Sik: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) mengenal pasti kira-kira 3,500 hektar kawasan hutan simpan di seluruh negeri itu diteroka secara haram sejak 2011.

Pengarahnya, Muhamad Abdullah, berkata penerokaan oleh pihak tidak bertanggungjawab itu kebanyakannya bagi tujuan pertanian seperti tanaman kelapa sawit, durian dan getah, selain pembinaan kawasan penempatan.

"Bagi kawasan yang baru diterokai, kita akan ambil tindakan pemusnahan dan tanam semula hutan. Bagi kawasan yang sudah lama diteroka dan sudah mengeluarkan hasil, kita akan dapatkan arahan daripada kerajaan negeri untuk tindakan susulan.

"Sejak Januari lalu hingga sekarang, kita sudah menahan 20 lelaki kerana terbabit dengan beberapa kes pencerobohan hutan dan kertas siasatan sedang disediakan sebelum diserahkan kepada pendakwa raya untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian pada program penanaman pokok sempena Kempen Penanaman 100 juta pokok 2021-2025 di Kompartmen 4, Hutan Simpan Bukit Enggang, di sini semalam.


Muhamad Abdullah

Muhamad berkata, aktiviti pencerobohan hutan simpan secara haram menyebabkan kerugian yang tinggi terutama kemusnahan biodiversiti kawasan hutan yang diceroboh, selain kerugian hasil hutan kepada kerajaan negeri.

"Kerugian berkaitan biodiversiti memang tidak ternilai, kalau kerugian dari segi hasil hutan kayu balak pula sukar kita nak anggarkan, kita kena kenal pasti keluasan kawasan dan jenis kayu yang diambil," katanya.

Muhamad berkata, pihaknya akan memulihkan semula kawasan hutan yang diceroboh dengan menanam semula pokok hutan bagi mengembalikan semula kelestarian alam di kawasan berkenaan.

Mengenai kempen penanaman 100 juta pokok di seluruh negara, beliau berkata, JPNK menyasarkan 2.75 juta pokok ditanam di kawasan yang dikenal pasti di negeri itu dengan 550,000 pokok ditanam setiap tahun sehingga 2025.

"Kempen ini bertujuan menggalakkan masyarakat bersama-sama menanam pokok, menghijaukan alam dan mencapai sasaran negara kita untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan tanah di negara kita diliputi pokok dan hutan," katanya. BERNAMA